

AMANAT PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PERASMIAN SEMINAR EKONOMI BUMIPUTRA  
DI DEWAN TENGKU CHANSELOK, UNIVERSITI  
MALAYA, KUALA LUMPUR PADA 4HB APRIL,  
1973

Bahawa kerajaan telah dua kali mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputra dan hasil-hasil dari dua-dua kongres itu kita sendiri telah dapat melihat dan mengetahui dengan terangnya iaitu penubuhan Bank Bumiputra, penubuhan Mara seperti yang ada pada hari ini dan penubuhan badan-badan yang lain. Begitu juga banyak rancangan-rancangan yang telah dapat dilaksanakan hasil daripada kongres Bumiputra yang kita adakan itu.

Pada pagi ini kita telah mengadakan pada kali yang pertama satu seminar yang diselenggarakan bersama oleh kerajaan dan Dewan-dewan Perniagaan Melayu di Malaysia. Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada gabungan Dewan-dewan Perniagaan Melayu di atas sambutan dan kerjasamanya untuk menjayakan seminar ini. Begitu juga saya suka mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran yang diketuai oleh Tengku Shahrman di atas usaha-usaha mereka itu bagi menganjurkan seminar ini.

Seperti saudara-saudara sekalian mengetahui tujuan kita mengadakan seminar ini ialah untuk hendak mengkaji kemajuan dan juga kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita khasnya langkah-langkah kita bagi menyusun semula masyarakat Malaysia bagi mencapai matlamat penyertaan 30% kaum Bumiputra dalam aktibiti-aktibiti perusahaan dan perniagaan pada masa akan datang ini baik di peringkat besar ataupun di peringkat kecil.

Saudara-saudara sekalian,

Maksudnya kita mengadakan seminar ini ialah supaya dapat diadakan satu forum di mana masaalah-masaalah yang kita hadapi bagi melaksanakan dasar kita ini dapat dibincang dengan jujur, dengan ikhlas dan dengan hati yang terbuka. Jadi hanyalah dengan cara semacam ini kita dapat menepati thema seminar ini iaitu Pembangunan Melalui Kerjasama. Jadi saya berharap supaya

dailog yang terbuka di antara ahli-ahli Dewan-dewan Perniagaan Melayu iaitu Peniaga-peniaga Melayu dan Bumiputra di sebelah pihak dan pegawai kerajaan di pihak yang lain akan dapat benar-benar melahirkan keazaman dan kejujuran semua pihak bagi mencari cara-cara yang positif dan mengadakan cadangan-cadangan yang membina untuk kita dapat melaksanakan dasar kita itu dengan lebih jaya dan lebih sempurna lagi.

Bagi pihak kerajaan, kerajaan sentiasa mengalu-ngalukan teguran dan pandangan yang ikhlas dan sihat dan kita sentiasa menerima apa juga pandangan dan fikiran yang patut bagi melaksanakan dasar Kerajaan yang mustahak dan penting. Akan tetapi saya harap dalam semir ini kita akan mengurangkan kecaman-kecaman yang semata-mata menyalurkan perasaan tak-puas hati yang meluap-luap. Pada fikiran saya masa kita bercakap banyak, masa kita melaung-laung telah lepas. Dasar yang kita kehendaki telah sedia, dan dasar itu telah mula dilaksanakan, yang kita kehendaki pada hari ini ialah usaha dan tenaga bersama untuk melaksanakan dasar ini dengan sepenuh-penuhnya dan dengan kejayaan yang kita kehendaki.

Kita mengetahui, saya sendiri mengetahui bahawa sungguhpun kita telah banyak melaksanakan rancangan-rancangan bagi menolong kaum Bumiputra untuk memajukan diri mereka itu, khususnya untuk mereka itu hendak mengambil bahagian lapangan perusahaan dan perniagaan tetapi kita sendiri mengetahui bahawa kita masih jauh lagi daripada muktamad kita yang sebenarnya. Dengan sebab itu mestilah kita menambahkan lagi usaha-usaha kita untuk menjayakan rancangan-rancangan yang lebih luas supaya kita dapat sampai kepada muktamad yang kita kehendaki itu.

Saya berharap dalam perbincangan-perbincangan di workshop atau bengkel yang dicadangkan itu perbincangan akan dapat dikawal melalui aliran-aliran yang membina dan yang memberi faedah. Saya sukacita bahawa kita telah dapat melihat muka-muka baru menjadi pengerusi-pengerusi bengkel seperti Justice Raja Azlan, Encik Sofi yang baru balik ke Malaysia ini, Puan Rafidah Aziz, Dr Mohd. Rashdan bin Baba dan juga yang lain. Jadi saya percaya dengan pimpinan dan juga ketuaan mereka itu perbincangan-perbincangan akan dapat dijalankan dengan mendatangkan sepenuh-penuh faedah kepada kita semua dan akan dapat membawa seminar kita ini kepada haluan yang dikehendaki serta mencapai kejayaan yang kita kehendaki.

Saudara-saudara sekalian,

Saya telah mengarahkan Sekretariat seminar ini menyediakan kertas latar belakang atau back-ground mengenai kemudahan-kemudahan yang diadakan oleh kerajaan serta langkah-langkah lain untuk memberi peluang kepada Bumiputra dalam lapangan perusahaan dan juga perniagaan. Jadi dalam kertas itu boleh didapati semua sekali peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan dan juga langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh kerajaan bagi memberi peluang kepada Bumiputra lapangan perniagaan dan perusahaan. Umpamanya satu perkara yang baru yang telah diputuskan iaitu 30% pada jumlah kontrik Jabatan Kerja Raya dikhaskan kepada kontraktor Bumiputra sahaja. Jadi kemudahan-kemudahan ini adalah didapati samada melalui badan-badan seperti MARA, UDA, PERNAS, Lembaga-lembaga Kemajuan Negeri, Bank Bumiputra dan lain-lain juga.

Akan tetapi seperti kata Tengku Razaleigh tadi semua langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan ini memerlukan sambutan atau respond daripada kaum Bumiputra sendiri daripada peniaga atau usahawan Bumiputra dan hanyalah dengan ada respond yang sewajarnya daripada mereka itu dapat kemudahan-kemudahan ini digunakan dengan sepenuhnya. Begitu juga bagi menjayakan langkah-langkah kerajaan ini kita memerlukan bukan sahaja usaha-usaha daripada pihak kerajaan bahkan respond ataupun sambutan daripada kaum peniaga Bumiputra dan juga daripada golongan Swasta bukan Bumiputra. Jadi tiga-tiga puak ini mestilah bersama-sama bergerak dengan tempo yang seiring ibarat perjalanan satu jentera berjalan bersama-sama kata Bahasa Inggeris "Corks ini the same machine or functioning smoothly and properly." Jadi saya berharap kita akan dapat mengumpul usaha-usaha dan tenaga-tenaga daripada tiga-tiga pihak ini supaya seperti saya kata tadi kita dapat melaksanakan dasar kita ini dengan sepenuhnya kejayaan.

Saudara-saudara sekalian,

Secara kebetulan sebuah risalah Panduan Peniaga telahpun dicetak dan dapat dibahagikan pada seminar ini. Bagaimanapun seperti yang dikatakan oleh Tengku Razaleigh tadi dalam ucapannya yang baru-baru ini bagi kaum Bumiputra yang hendak maju dalam perniagaan dan perusahaan mereka mustahaklah mempunyai sikap berani bersaing dan berazam menghadapi cabaran yang ada

di hadapan mereka itu. Dan lagi mustahaklah mereka itu sanggup mengikis nilai hidup lama atau traditional value. Kerajaan hanyalah boleh menyediakan kemudahan-kemudahan atau membantu peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Bumiputra dalam beberapa perkara. Akan tetapi mustahaklah mereka sendiri sanggup mencerut pinggang atau "tighten your belt" hingga perniagaan itu mendapat maju dan hingga mereka itu boleh berdiri di atas kaki mereka itu sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

Saya bersetuju bahawa gagasan mengadakan perkongsian yang sihat atau perniagaan Ali Baba di antara Bumiputra dan bukan Bumiputra adalah perkara yang elok juga asalkan perkongsian itu berjalan dengan adil iaitu perkongsian yang positif yang active dan bukannya perkongsian yang passive. Masa telah sampai bagi kita mengurangkan amalan bagi mengadakan Bumiputra menjadi hanyalah "front-made" atau juga sebagai ahli-ahli board semata-mata. Kita berkehendakkan "entrepreneur" Bumiputra sebenar-benar mengambil bahagian yang saya kata positif dan aktif dalam perusahaan yang berkongsi yang barangkali mustahak diadakan. Saya sendiri faham bahawa kita memerlukan masa sedikit untuk mengadakan gulungan "entrepreneur" class atau usahawan Bumiputra tapi mustahaklah kita menggalakkan dan meneliti mereka itu supaya dalam usaha-usaha yang dikatakan perkongsian ini dapat berjalan dengan memberi faedah kepada kedua pihak.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita bahawa Seminar ini diadakan pada fikiran saya pada satu masa yang sangat sesuai, kerana kerajaan sedang menjalankan "mid-term review" atau menyemak pertengahan masa bagi Rancangan Malaysia Yang Kedua ini. Jadi sehingga hari ini saya sukacita bahawa perlaksanaan Rancangan Malaysia Kedua ini adalah memuaskan terutama sekali rancangan dalam bahagian Physical Development dan di sini didapati iaitu kekurangan perbelanjaan sangatlah rendah jika dibandingkan di masa-masa yang lampau. Jadi boleh dikatakan lebih kurang 10% sahaja kekurangan perbelanjaan dalam lapangan Physical Development ini. Kalau dibandingkan dengan Rancangan Malaysia Yang Pertama kekurangan lebih kurang 27%. Jadi ini menunjukkan bahawa perlaksanaan dalam lapangan Physical Development ini iaitu usaha-usaha mengadakan rumah-sakit, sekolah dan pembinaan

jalanraya dan sebagainya adalah berjalan dengan baik dan memuaskan. Akan tetapi saya belumlah puas hati dengan pelaksanaan rancangan kita bagi menyusun semula masyarakat menurut Dasar Ekonomi Baru. Jadi saya berharap dalam lapangan inilah kita akan melipat gandakan usaha-usaha kita.

Sungguhpun begitu saya dapati dan saya berasa sukacita melihatkan bahawa orang Melayu dan Bumiputra semakin sehari semakin menunjukkan minat mereka itu dalam lapangan ekonomi kewangan. Sambutan terhadap pembelian saham-saham terbuka seperti Amanah Saham Mara adalah menunjukkan natijah-natijah yang baik. Amanah Saham Mara yang Ketujuh dapat mengumpul lebih kurang \$42 juta, jadi inilah menunjukkan orang-orang Melayu dan ahli Bumiputra sendiri sudah sedar bahawa pentingnya mereka itu menceburkan diri dalam ekonomi kewangan yang ada sekarang ini. Bagaimanapun saya berharap penyertaan dan pengertian ini akan dapat disebar dengan lebih luas lagi di kalangan masyarakat kita di luar bandar.

Di sini juga saya sukacita melihatkan bahawa orang-orang Melayu dan ahli-ahli Bumiputra telah menunjukkan kesedaran mereka itu iaitu mereka mestilah berusaha membesar dan memperluaskan mata-pencarian mereka itu. Baru-baru ini saya membuat lawatan kepada Persatuan Peladang Suka Maju, di Sungai Besar. Dan saya diberitahu oleh Persatuan ini yang mereka itu sedang menjalankan rancangan bagi menambahkan keluasan padi sehingga sampai 1,000 gantang 1 ekar dan menanam dua kali setahun. Jadi perasaan keazaman yang semacam inilah yang boleh memberi galakan kepada ahli-ahli Bumiputra untuk meningkat maju pada masa akan datang. Begitu juga kita dengar di Negeri Kelantan, petani-petani selain daripada bertanam padi ada juga mengusahakan tanaman "cash-crop" seperti tembakau dan kacang untuk dijual bagi meninggikan pendapatan mereka. Ini semualah contoh-contoh yang saya kata menunjukkan kaum Bumiputra telah sedar bahawa mereka itu mestilah menunjukkan inisiatif dan dayausaha sendiri untuk membaiki keadaan hidup mereka itu. Jadi hanyalah dengan dayausaha mereka itu sendiri dapat pihak kerajaan memberi bantuan dan pertolongan untuk mereka itu hendak meningkat maju kepada lapangan yang lebih tinggi dan lebih luas lagi.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sendiri tahu bahawa dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita khasnya dalam usaha kita hendak memberi peluang yang lebih luas kepada Bumiputra dalam lapangan perusahaan dan perniagaan kita adalah menghadapi masalah-masalah yang rumit. Satu daripada masalah ialah kekurangan tenaga "executive" Bumiputra di bidang perniagaan dan perusahaan. Perkara ini sedang di atasi dan saya telah melantik sebuah Jawatankuasa di Pengerusikan oleh Raja Tan Sri Mohar yang ditugaskan meneliti masalah ini dengan tujuan dapat menempatkan Bumiputra "executive" di semua bidang Swasta. Pada masa ini kita dapati banyak ahli-ahli Bumiputra bertugas dalam Public Sector di Jabatan-jabatan Kerajaan. Dan kita perlulah mengatur strategi untuk mengambil tenaga ini terutama sekali tenaga yang dikatakan "middle-echelon" atau "sederhana muda" yang patut dipindahkan kepada "private sector" atau pihak Swasta, untuk mereka itu mengisi kekosongan-kekosongan yang ada di Swasta itu. Jadi dengan cara yang semacam ini saya harap kita dapat mengurangkan curi-mencuri yang sedang berjalan sedikit sebanyak di antara pihak kerajaan dengan pihak Swasta dan juga ajensi-ajensi kerajaan.

Perkara yang kedua, masalah yang kedua ialah masalah modal saya sendiri tahu bahawa pada masa yang lampau perkara ini menjadi masalah yang rumit akan tetapi beberapa langkah-langkah telahpun diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Seperti saudara-saudara mengetahui kita ada Bank Bumiputra, Bank Pertanian, Bank Kerjasama Rakyat dan juga Malayan Bank dan sekarang ini kita sedang menubuhkan Bank Pembangunan di bawah jagaan Bank Bumiputra sendiri. Di samping itu juga kita ada pula kredit "Guarantee Co-operation" untuk memberi kemudahan jaminan di atas pinjaman sederhana tanpa cagaran jika perlu. Jadi kemudahan-kemudahan ini sedang diadakan untuk ahli-ahli Bumiputra mendapatkannya bagi menjalankan perusahaan dan perniagaan. Begitu juga badan-badan yang lain seperti MARA, PERNAS, UDA dan juga Lembaga-lembaga Kemajuan Negeri adalah memainkan peranan mereka untuk mengatasi masalah modal bagi peniaga Bumiputra.

Saudara-saudara sekalian,

Satu lagi perkara yang masih kurang memuaskan ialah penyer-taan modal dari pihak Bumiputra dalam Syarikat Perindustrian

di mana antara 10% dan 20% modalnya dikhaskan kepada Bumiputra. Hingga sekarang masih banyak lagi yang belum diambil meskipun saham-saham telahpun ditawarkan kepada mereka itu. Dari segi penjualan saham Public Company nyatalah kemampuan kaum Bumiputra ada cukup dan kerap kali dapat bila tawaran dibuat kita dapat banyak permintaan-permintaan bahkan berlebihan daripada yang kita kehendaki. Umpamanya seperti New Strait Times baru yang keluar pada hari ini kita dapat saham-saham ini adalah "over-subscribe". Tetapi sambutan terhadap saham syarikat-syarikat sendirian atau "Private Limited Company" masih lagi dingin. Jadi saya suka menasihatkan peniaga-peniaga Bumiputra supaya berani menghadapi masaalah ini dan jangan hanya ada "confidence" bila syarikat itu menunjukkan keuntungan atau saham itu naik berlipat ganda kerana spekulasi. Kita mestilah berani menceburkan diri dalam perniagaan-perniagaan yang difikirkan patut dan menasabah walaupun pada masa ini barangkali keuntungan tidaklah begitu banyak.

Berkenaan dengan saham ini satu unit khas akan diadakan di Kementerian Perdagangan dan Perusahaan untuk mengkaji dan menilaikan projek-projek yang diluluskan sebelum Bumiputra dapat mengambil bahagian dalam projek-projek itu. Cara ini saya fikir dapat memudahkan penyertaan Bumiputra dalam syarikat-syarikat yang tersebut itu.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti saya kata tadi, peluang-peluang bagi peniaga-peniaga Bumiputra banyak terbuka dalam semua lapangan. Satu bahagian yang agak menimbulkan masaalah ialah pengedaran dan pemasaran barang-barang samada yang dibawa dari luar ataupun di keluar dalam negeri iaitu "distribution of goods". Lapangan ini sangatlah kurang terdapat peniaga-peniaga Bumiputra. Saya sendiri faham bahawa ini satu lapangan yang boleh dikatakan kompleks dan kebanyakan pengedar atau "distributors" sudah lama berkecimpung dalam lapangan ini dan kerana itu sukar bagi Bumiputra yang baru hendak masuk mendapat agensi seperti menjual barang-barang seperti rokok dan juga barang-barang yang lain. Dan juga perusahaan ini berkehendakan "network of agencies" yang efficient kerana tak dapat tiada pengeluaran barang-barang berkehendakan pengedaran, agensi pengedaran dan pemasaran yang

baik untuk mereka itu mendapatkan pasaran yang sempurna kepada barang-barang mereka itu. Dan di sinipun "competition" sangatlah hebat.

Akan tetapi walaubagaimanapun saya berharap kepada pihak peniaga-peniaga ahli Bumiputra supaya berani menghadapi cabaran ini dan pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang menyiawat perkara ini dan diharapkan sebahagian daripada perusahaan pengedaran dan pemasaran ini dapat dibagikan kepada pihak Bumiputra. Syarikat-syarikat anak PERNAS sedang mengambil langkah dalam lapangan ini dan diharapkan pihak PERNAS dapat menerokakan jalan dalam lapangan baru ini. Begitu juga saya harap dengan bantuan kerajaan sebab kerajaan ada menggalakkan penubuhan kedai-kedai "wholesale" dan juga "retail" di peringkat negeri dan jajahan. Ahli-ahli Bumiputra dapat mengambil bahagian dalam lapangan ini.

Di sini saudara-saudara sekalian saya suka menyebut usaha-usaha ahli-ahli Bumiputra yang terpuji dalam lapangan ini iaitu satu kumpulan yang dinamakan Shamelin. Kumpulan ini dengan usaha, tenaga dan modal mereka itu sendiri dan cara dengan diam-diam tidak menyusahkan mana pihak telah dapat mengadakan beberapa buah kedai-kedai borong dan runcit di negara kita. Kerajaan sangat menghargai usaha-usaha mereka itu dan saya telah mengarahkan PERNAS, UDA dan badan-badan yang lain supaya memberi pertolongan kepada mereka itu supaya mereka itu dapat sebenar-benarnya memperluas dan mempercayakan usaha-usaha mereka itu. Jadi saya berharap pihak Shamelin ini yang telah menunjukkan kebolehan mereka itu akan dapat sebenar-benarnya menjalankan usaha-usaha yang penting dalam lapangan mengadakan kedai-kedai "wholesale" dan juga "retail" di seluruh negara kita.

Saudara-saudara sekalian,

Saya fikir saya telah terangkan sedikit sebanyak berkenaan dengan dasar kerajaan dan juga kemudahan-kemudahan yang diadakan oleh kerajaan dan saya berharap kepada saudara-saudara dan peniaga-peniaga Bumiputra yang telah berjaya dalam perusahaan masing-masing supaya patuh kepada undang-undang setakat yang melindungi kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja. EPF dan Socso adalah alat-alat penting bagi menjaga ketenteraman dan juga kebajikan pekerja-pekerja untuk mendorong

mereka itu bekerja dengan lebih kuat. Begitu juga saya berharap kepada peniaga-peniaga Bumiputra supaya apabila mereka itu berjaya dalam perniagaan masing-masing supaya memberi pertolongan bagi menggalakkan peniaga-peniaga Bumiputra yang lain supaya dengan itu kita dapat membanyakkan lagi bilangan Bumiputra yang menceburkan diri dalam lapangan perniagaan. Jadi dengan cara kerjasama yang semacam inilah kita akan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita dengan jaya dan lebih sempurna lagi.

Saya suka menegaskan sekali lagi bahawa kerajaan sedia menerima pandangan dan teguran yang membina dan sedia menjalankan apa juga langkah yang difikirkan menasabah dan perlu untuk hendak menjayakan Dasar Ekonomi Baru kerajaan khususnya rancangan mengatur semula masyarakat untuk membina satu masyarakat yang adil dan bahagia di negara kita ini.

Saudara-saudara sekalian,

Akhirnya saya berharap semuga seminar ini menghasilkan syor-syor atau "recomendation-recomendation" yang positif serta dapat menyusun strateji-strateji baru bagi mencapai muktamat kita untuk membina sebuah negara yang makmur, stabil dan maju untuk zaman-berzaman pada masa akan datang. Sekian sajalah saya ucapkan saudara-saudara selamat dan berjaya bersidang, terimakasih.